

GARIS PANDUAN BAGI UJIAN APTITUD APEL T6 DAN APEL T7

SEMASA MENJAWAB UJIAN APTITUD APEL T6 & T7:

1. Calon APEL diwajibkan menjawab **SEMUA** soalan dalam masa yang ditetapkan dan pemberian markah adalah berdasarkan jawapan yang diberi oleh calon.
2. Peruntukan masa menjawab bagi Ujian Aptitud APEL T6 adalah **2 jam 6 minit** manakala Ujian Aptitud APEL T7 adalah **2 jam 46 minit**.
3. Peruntukan masa bagi setiap komponen adalah seperti berikut:

KOMPONEN APEL T6 (OBJEKTIF)	PECAHAN MASA	KESELURUHAN
BAHASA MALAYSIA	25 MINIT	2 JAM 6 MINIT
BAHASA INGGERIS	25 MINIT	
MATEMATIK	35 MINIT	
PENGETAHUAN AM & PEMIKIRAN KRITIS	35 MINIT	

KOMPONEN APEL T7 (OBJEKTIF & STRUKTUR)	PECAHAN MASA	KESELURUHAN
BAHASA MALAYSIA	20 MINIT	2 JAM 46 MINIT
BAHASA INGGERIS	20 MINIT	
MATEMATIK	55 MINIT	
PENGETAHUAN AM & PEMIKIRAN KRITIS	55 MINIT	

4. Calon dikehendaki mematikan segala peranti peribadi dan penggunaan telefon bimbit adalah **DILARANG**.
5. Calon perlu memastikan mikrofon dalam mod senyap dan menghidupkan kamera bagi tujuan pengawasan sepanjang peperiksaan berlangsung.
6. Sebarang pertanyaan kepada pengawas semasa peperiksaan perlu diajukan di ruang sembang (*webex chat*) sahaja.
7. Sekiranya terdapat masalah internet atau komputer, calon harus log masuk semula dengan segera dan tiada tambahan masa diberikan.
8. Setiap calon mesti mengesahkan bahawa dia telah membaca dan memahami secara jelas segala prosedur, syarat dan peraturan peperiksaan secara dalam talian melalui : utmodl atau <https://odlssystem.utm.my>.

- 9.** Sekiranya pihak APEL-UTM tidak mendapat pengesahan dari calon, calon tidak akan dibenarkan mengambil peperiksaan dalam talian.
- 10.** Pengawasan dalam talian akan dijalankan secara manual menggunakan Aplikasi Webex.
- 11.** Sebarang masalah teknikal dalam mengemukakan jawapan secara dalam talian perlu dimaklumkan kepada pengawas dengan kadar segera. Sebarang rayuan untuk peperiksaan semula tidak akan dilayan.
- 12.** Perjalanan peperiksaan secara dalam talian akan dirakamkan bagi tujuan jaminan kualiti.
- 13.** Pengawas mempunyai kuasa untuk membatalkan peperiksaan jika mendapati ada sebarang tingkah laku yang meragukan pada calon.